

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENI BINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

OKTOBER 2008

Adalah disyorkan bahawa Projek Penyelidikan ini yang disediakan
oleh

MOHAMAD ZULYUSMI BIN JOOHARI

2005197589

Bertajuk

**CADANGAN REKABENTUK BARU UNTUK
KELAB PENYOKONG MANCHESTER UNITED MALAYSIA
DI UNIT 7, USJ 10/1
TAIPAN TRIANGLE SUBANG JAYA
SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk
Dalaman

Penyelia Laporan : _____ ~~En. Azizul Azli bin Ahmad~~
Koordinator Kursus : _____ ~~Pn. Mawar binti Masri~~
Koordinator Program : _____ Prof. Madya Dr. Mohd Sabrizaa bin Abdul Rashid



ABSTRAK

Bola sepak biasanya akan dikaitkan dengan pasukan bola sepak antarabangsa antaranya seperti Liga Perdana England. Dengan penyokong yang ramai dan fanatik pada bola sepak atau pasukan kesayangan atau pilihan mereka maka akan terciptalah kelab-kelab yang mewakili pasukan kegemaran masing-masing. Untuk menambahkan lagi persaan tersebut penyokong akan memilih untuk menyertai kelab pasukan kesayang mereka demi membuktikan kesetiaan dan minat pada pasukan pilihan mereka. Sebagai antara kelab yang satu-satunya yang rasmi di negara Malaysia ini, kelab penyokong ini telah mengambil langkah yang drastik untuk meningkatkan lagi kualiti dan taraf kelab ini. Penambahan ruang-ruang yang baru serta rekabentuk yang terkini dan moden ini akan sekaligus memberikan imej yang baru kepada kelab tersebut. Hubungan antara ruang juga telah ubah dan mengikut konsep yang telah dicadangkan. Justeru itu, dengan penampilan imej dan rekabentuk yang baru ini akan menyediakan perkhidmatan yang baru dan terbaik untuk memenuhi kepuasan ahli kelab penyokong. Penambahan ruang seperti cafe dan mini bar juga sebagai salah satu perkhidmatan yang baru. Penampilan yang baru ini sedikit sebanyak akan menambahkan lagi penambahan kemasukan ahli dan juga keselesaan untuk berada di dalam kelab ini. Tapak baru bagi Kelab ini terletak di Unit 7, Jalan Usj 10/1, Taipan Triangle Subang Jaya, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan. Dikelilingi oleh bangunan-bangunan yang pelbagai. Seperti kemudahan Bank, Farmasi, Restoran dan sebagainya.



PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.r, terutama sekali ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas segala bantuan dan kaedah yang berguna dalam pembelajaran ini. Pertama sekali, tujuan laporan THE 386 ini dihasilkan bagi mengkaji dan mentelaah segala maklumat-maklumat yang digunakan di dalam proses menyiapkan projek ini.

THE 389 ini juga dapat memberikan cara-cara untuk mengkaji sesuatu dengan lebih baik dan lebih mendalam, dan segalanya itu telah di adaptasikan ke dalam laporan THE 386 ini. Semua maklumat yang didapati dipercayai adalah berbentuk fakta dan tepat di dalam proses kajian projek ini. Dengan itu segala bantuan dan kaedah yang ditunjuk ajar dalam menyiapkan projek ini serta laporan THE 386 adalah di atas kerjasama semua pihak seperti klien dan yang terlibat dengan projek ini.

Sekali lagi ribuan terima kasih dan penghargaan yang tidak terkira dipanjatkan kepada mereka yang terlibat di dalam projek ini dengan secara tidak langsung seperti pensyarah-pensyarah yang bertanggungjawab untuk mengendalikan pelajar di bawah kendalian mereka. Terutama sekali pensyarah IND 386 yang paling banyak membantu pada setiap masa dan sentiasa mendorong dan memberikan tunjuk ajar bagi memastikan penghasilan laporan THE 386 ini dihasilkan dengan baik, berkualiti dan mengikuti segala kehendak yang ditetapkan untuk laporan tersebut.



ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN

BAB 1.0 PENDAHULUAN	1
1.1 MATLAMAT KAJIAN	2
1.2 OBJEKTIF KAJIAN	3-4
1.3 METODOLOGI KAJIAN	5-8
1.4 KAEDAH KAJIAN	9-10
1.5 HALANGAN KAJIAN	11
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN	12
BAB 2.0 KLIEN	13
2.1 LATARBELAKANG KLIEN	13
2.2 CARTA ORGANISASI	14
2.3 MISI DAN VISI KLIEN	15
2.4 IMEJ KORPORAT KLIEN	16



1.0 PENGENALAN

Cadangan merekabentuk ruang dalaman bagi Manchester United Supporter's Club Malaysia di tapak cadangan baru di Unit 7, Jalan Usj 10/1 Taipan Triangle Subang Jaya, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan. MUSCM adalah tempat di mana untuk mendapatkan barangan yang keluran terhad atau yang asli, rakan-rakan baru dari seluruk pelusuk Malaysia apabila aktiviti atau sebarang perjumpaan atau perlawanan bola sepak berlangsung secara langsung. Disamping itu MUSCM itu juga dapat sedikit sebanyak mengurangkan gejala tidak sihat pada masa kini yang kian meningkat. Ia akan menampilkan lebih profesional dan lebih teratur dan terjaga, tidak kira pada mana-mana peringkat umur. Segala barangan yang di jual di MUSCM adalah yang asli, yang mana didapatkan secara terus dari United Kingdom. Itu adalah untuk menjaga segala hakcipta yang telah ditetapkan. Sebagai antara salah satunya Kelab yang rasmi di Malaysia, MUSCM telah memberikan peluang kepada ahli-ahli kelab penyokong ini melawat ke *Old Trafford*, Manchester United dengan tambang yang berpatutan untuk yang berminat. Dengan itu juga ia dapat lagi merapatkan hubungan antara pihak MUSCM dengan semua ahli. Pada ketika ini jumlah ahli yang berdaftar secara rasmi sudah melebihi 3000 ahli hanya dari Lembah Kelang sahaja. Itu telah membuktikan bahawa Kelab ini diterima oleh orang ramai terutama penyokong MUFC sendiri.